# SOALAN-SOALAN LAZIM

## JANJI TEMU ELEKTRONIK (eAppointment) PAJAK GADAI-i

### 01. Apakah itu Janji Temu Elektronik (eAppointment) Pajak Gadai-i Bank Rakyat?

Janji Temu Elektronik (eAppointment) Pajak Gadai-i merupakan platform yang membolehkan pelanggan membuat permohonan janji temu secara dalam talian untuk mendapatkan perkhidmatan Pajak Gadai-i di Cawangan Bank Rakyat atau Ar-Rahnu X'Change Bank Rakyat pada tarikh dan masa yang ditetapkan.

---

### 02. Apakah kelebihan Janji Temu Elektronik (eAppointment) Pajak Gadai-i?

Platform ini dilancarkan oleh Bank Rakyat sebagai langkah proaktif Bank untuk memberi pengalaman pelanggan yang hebat *(Great Customer Experience)* serta menyokong inisiatif Kerajaan untuk mengamalkan norma baharu atau *'new normal'*.

Memberi kemudahan kepada pelanggan untuk membuat janji temu secara dalam talian dan mengurangkan tempoh masa menunggu di premis bank.

---

### 03. Bilakah platform Janji Temu Elektronik (eAppointment) Pajak Gadai-i dilancarkan?

Platform Janji Temu Elektronik (eAppointment) Pajak Gadai-i akan dilancarkan pada 1 Julai 2021.

---

### 04. Bagaimanakah pelanggan boleh mengakses platform Janji Temu Elektronik (eAppointment) Pajak Gadai-i?

Akses melalui:

1) Laman web Bank Rakyat *(Public User)*:
   www.bankrakyat.com.my atau akses terus melalui
   https://appointment.bankrakyat.com.my

2) Kod QR eAppointment yang terdapat di Cawangan Bank Rakyat atau Ar-Rahnu X'Change Bank Rakyat.




*Nota: Pelanggan perlu imbas kod QR eAppointment dengan menggunakan telefon bimbit.*

## 05. Bagaimanakah cara membuat janji temu di Janji Temu Elektronik (eAppointment) Pajak Gadai-i?

Pelanggan boleh membuat janji temu dengan mengikuti langkah-langkah berikut:

i. Layari laman web rasmi Bank Rakyat di www.bankrakyat.com.my atau https://appointment.bankrakyat.com.my
ii. Klik janji temu baharu
iii. Pilih negeri & perkhidmatan
iv. Pilih cawangan
v. Pilih tarikh & masa
vi. Isi maklumat peribadi dengan lengkap
vii. Sahkan maklumat
viii. Kemukakan bukti pengesahan janji temu atau nombor tempahan ketika hadir berurusan di cawangan (SMS atau e-mel yang diterima oleh pelanggan)

## 06. Bilakah pelanggan boleh membuat janji temu di Janji Temu Elektronik (eAppointment) Pajak Gadai-i??

Pelanggan perlulah membuat permohonan sekurang-kurangnya satu (1) hari sebelum tarikh janji temu.

*Nota: tertakluk kepada kekosongan slot janji temu pada tarikh dan waktu yang dimohon.*

## 07. Apakah jenis perkhidmatan yang ditawarkan melalui Janji Temu Elektronik (eAppointment)

Perkhidmatan yang ditawarkan dalam Janji Temu Elektronik (eAppointment) Pajak Gadai-i adalah seperti berikut:

i. Gadaian
ii. Tebus Gadai/Overlap

## 08. Siapakah yang boleh membuat tempahan melalui Janji Temu Elektronik (eAppointment)

- Pelanggan sedia ada Pajak Gadai-i Bank Rakyat
- Pelanggan baharu Pajak Gadai-i Bank Rakyat

## 09. Bagaimanakah pelanggan boleh membuat semakan tempahan janji temu?

Semakan tempahan janji temu pelanggan boleh dilakukan dengan mengikuti langkah seperti berikut:

Melalui laman web Bank Rakyat:

i. www.bankrakyat.com.my atau akses terus melalui https://appointment.bankrakyat.com.my
ii. Klik semak janji temu
iii. Masukkan nombor tempahan Janji Temu *(Booking Reference Number)*
iv. Klik *search*
v. Informasi tempahan Janji Temu dipaparkan

- Contoh Informasi Tempahan Janji Temu:




## 10. Adakah pelanggan dibenarkan untuk membatalkan tempahan janji temu?

Ya. Pembatalan tempahan janji temu boleh dibuat seperti berikut:

Melalui laman web Bank Rakyat:

i. www.bankrakyat.com.my atau akses terus melalui https://appointment.bankrakyat.com.my
ii. Klik semak janji temu
iii. Masukkan nombor tempahan janji temu *(Booking Reference Number)*
iv. Klik batal

## 11. Di manakah perkhidmatan Janji Temu Elektronik (eAppointment) Pajak Gadai-i disediakan?

Di seratus empat puluh (140) Cawangan Bank Rakyat dan empat puluh enam (46) Ar-Rahnu X'Change Bank Rakyat.

## 12. Bagaimanakah pengesahan permohonan janji temu dilakukan?

Pelanggan yang telah membuat permohonan akan menerima notis pengesahan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) dan e-mel (sekiranya informasi dimasukkan oleh pelanggan) sebagai peringatan.

*Nota: Nombor telefon adalah diwajibkan*

- Contoh SMS pengesahan janji temu:

  *RM0.00 Bank Rakyat Appointment: Hi XXX. You have successfully booked an appointment with Bank Rakyat Kuala Selangor on 01/07/2021 at 10:00. Your booking No: BR21066011826*

  *Nota: Nombor telefon adalah diwajibkan.*

- Contoh e-mel pengesahan janji temu:



Bank Rakyat Appointment (no reply) <noreply@bankrakyat.com.my>
to me

Wed, Jun 23, 10:22 PM (2 days ago)

BR21066011826

Perincian tempahan

| | |
|---|---|
| Cawangan | Kuala Selangor<br>Bank Rakyat Kuala Selangor<br>No. 2 Jalan Bendahara 1/1<br>Taman Bendahara<br>45000<br>Selangor<br>1300805454<br>telerakyat@bankrakyat.com.my |
| Perkhidmatan | Pembayaran<br>Perkhidmatan pembayaran pembiayaan |
| Tarikh | 24-06-2021<br>10:00 A.M |
| Informasi Anda | |

*** • Pelanggan disarankan untuk hadir sekurang-kurangnya 10 minit lebih awal dari masa yang ditetapkan pada tarikh janji temu.*

# 13. Kehadiran pelanggan di Cawangan Bank Rakyat atau Ar-Rahnu X'Change Bank Rakyat pada tarikh janji temu.

- Pelanggan akan dimaklumkan melalui notifikasi permohonan untuk hadir sekurang-kurangnya 10 minit lebih awal dari masa janji temu yang ditetapkan.
- Selain itu, pelanggan juga dinasihatkan agar mematuhi saranan Kerajaan dengan menjalani saringan suhu badan, pemakaian pelitup muka, mengamalkan penjarakan sosial dan menggunakan pensanitasi tangan.
- Pelanggan juga dikehendaki untuk mendaftar masuk *(check-in)* dengan mengimbas kod QR yang tertera pada pintu masuk utama dengan menggunakan aplikasi MySejahtera.
- Pelanggan perlu mengambil nombor giliran di Sistem Penggiliran.

# 14. Apakah maklumat yang diperlukan oleh pelanggan ketika hadir pada tarikh janji temu?

- Maklumat yang diperlukan adalah bukti pengesahan janji temu atau nombor tempahan ketika hadir berurusan di cawangan (SMS atau e-mel yang diterima oleh pelanggan).
- Contoh SMS pengesahan janji temu:

  *RM0.00 Bank Rakyat Appointment: Hi XXX. You have successfully booked an appointment with Bank Rakyat Kuala Selangor on 01/07/2021 at 10:00. Your booking No:BR21066011826*

- Contoh e-mel pengesahan janji temu:

**Bank Rakyat Appointment (no reply)** <noreply@bankrakyat.com.my> Wed, Jun 23, 10:22 PM (2 days ago)
to me

BR21066011826

Perincian tempahan

| | |
|---|---|
| Cawangan | Kuala Selangor<br>Bank Rakyat Kuala Selangor<br>No. 2 Jalan Bendahara 1/1<br>Taman Bendahara<br>45000<br>Selangor<br>1300805454<br>telerakyat@bankrakyat.com.my |
| Perkhidmatan | Pembayaran<br>Perkhidmatan pembayaran pembiayaan |
| Tarikh | 24-06-2021<br>10:00 A.M |
| Informasi Anda | |

*** Pelanggan disarankan untuk hadir sekurang-kurangnya 10 minit lebih awal dari masa yang ditetapkan pada tarikh janji temu.*

- Contoh Informasi Tempahan Janji Temu:




## 15. Bagaimanakah pelanggan boleh mendapatkan maklumat mengenai Janji Temu Elektronik (eAppointment) Pajak Gadai-i ini?

a) Pusat Panggilan di talian 1300 80 5454.

b) Media sosial Bank Rakyat (Instagram, Facebook dan Twitter).

c) Cawangan Bank Rakyat atau Ar-Rahnu X'Change Bank Rakyat berhampiran